

SOAL JAWAB BERKENAAN FIDYAH PUASA RAMADAN

1) Apakah yang dimaksudkan dengan fidyah?

Jawapan: Fidyah adalah bayaran wajib yang dikenakan ke atas individu yang meninggalkan puasa Ramadan dan tidak segera menggantikannya (qada) sehingga masuk Ramadan berikutnya.

2) Siapakah yang wajib membayar fidyah?

Jawapan:

- Orang tua yang sangat uzur dan tidak mampu berpuasa di bulan Ramadan.
- Orang sakit yang tiada kemungkinan atau harapan untuk sembuh dan disahkan oleh pakar perubatan.
- Ibu hamil yang tidak berpuasa dengan sebab bimbang kesihatan janinnya.
- Ibu yang menyusukan anak dan bimbang kesihatan anak yang disusukan.
- Orang yang telah meninggal dunia dan tidak sempat menggantikan puasanya.
- Orang yang menangguhkan ganti puasanya sehingga masuk Ramadan berikutnya.

3) Adakah fidyah boleh dibayar secara ansuran?

Jawapan: Fidyah boleh dibayar secara ansuran bagi yang tidak berkemampuan sehingga tidak melangkaui Ramadan pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, ianya lebih baik dan digalakkan untuk disegerakan kewajipan menunaikan fidyah.

4) Adakah seseorang yang telah membayar fidyah tidak perlu untuk menggantikan puasa?

Jawapan: Membayar fidyah tidak memansuhkan kewajipan puasa bagi orang yang masih mampu melaksanakan. Puasa yang ditinggalkan tetap wajib diganti, manakala fidyah hanya untuk mereka yang tidak mampu berpuasa (uzur kekal seperti sakit kronik atau masalah kesihatan yang disahkan pakar)

5) Bolehkah bayaran fidyah diagihkan terus kepada golongan fakir miskin?

Jawapan: Bayaran fidyah boleh diagihkan secara terus kepada golongan fakir dan miskin. Walau bagaimanapun, digalakkan bayaran fidyah melalui Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) bagi memastikan pengurusan dan pemberian beras fidyah dilaksanakan lebih teratur, berpanjangan serta menepati kumpulan sasaran yang lebih menyeluruh.

6) Bagaimanakah kadar bayaran fidyah ditentukan?

Jawapan: Kadar fidyah ditentukan berdasarkan jumlah hari puasa yang ditinggalkan dengan kadar nilai wang untuk secupak beras makanan asasi bersamaan 650gram atau $\frac{1}{4}$ daripada harga zakat fitrah semasa.

7) Adakah fidyah boleh dibayar oleh waris bagi orang yang telah meninggal dunia?

Jawapan: Ya, waris boleh dan wajib membayar fidyah bagi orang yang meninggal dunia, selaras dengan tanggungjawab menunaikan hutang ibadah yang belum selesai seperti berikut:

- a) Dibayar menggunakan wang peninggalan si mati.
- b) Jika tidak cukup atau tiada, hendaklah menggunakan wang ahli waris.

8) Pak Ali tidak berpuasa di bulan Ramadan sebanyak 30 hari pada tahun 2025 akibat menghidap barah yang disahkan tiada harapan untuk sembuh.

Jawapan: Pak Ali tidak wajib menggantikan puasa dan wajib membayar fidyah.

Kadar fidyah : 30 hari x RM2.75 x 1 tahun = RM82.50

9) Encik Hadi tidak berpuasa di bulan Ramadan sebanyak 5 hari pada tahun 2023. Beliau tidak menggantikan puasa tersebut sehingga melangkaui 3 tahun, iaitu sehingga tahun 2026. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Encik Hadi.

Jawapan: Encik Hadi wajib menggantikan puasa sebanyak 5 hari kerana puasa yang ditinggalkan tanpa mengalami masalah kesihatan. Pada masa yang sama, Encik Hadi juga wajib membayar fidyah kerana melambatkan ganti puasa sehingga melangkaui 3 kali Ramadan.

Kadar fidyah : 5 hari x RM2.75 x 3 tahun = RM41.25

10) Ahmad meninggalkan puasa Ramadan 3 tahun berturut – turut tanpa diganti puasa yang ditinggalkan sehingga Ramadan Tahun 2025 seperti berikut :

- Tahun 2023 tinggal puasa 6 hari
- Tahun 2024 tinggal puasa 5 hari
- Tahun 2025 tinggal puasa 7 hari

Jawapan:

- Tahun 2023 - 2025 (2 tahun)
Kiraan fidyah 6 hari x RM2.75 x 2 Tahun = RM33.00

- Tahun 2024-2025 (1 tahun)
Kadar fidyah 5 hari x RM2.75 x 1 tahun = RM13.75

Kadar fidyah keseluruhan yang wajib dibayar oleh Ahmad berjumlah **RM46.75**. Pada masa yang sama Ahmad wajib menggantikan puasa pada tahun 2025 bagi 7 hari yang ditinggalkan sebelum memasuki bulan Ramadan tahun 2026.

***Kadar fidyah RM2.75 adalah kadar nilai 1 cupak beras beserta kos pengurusan 10% bagi tahun 2025 (¼ daripada nilai zakat fitrah 2025)**